

# Najib: Perkemas program Satu Daerah Satu Industri

Oleh LUKMAN ISMAIL

**MELAKA** 5 Julai - Datuk Seri Najib Tun Razak mahu program pembangunan Satu Daerah Satu Industri (SDSI) dilaksanakan secara terancang dan tersusun di samping mempunyai strategi pemasaran yang baik.

Timbalan Perdana Menteri berkata, ia bagi memastikan produk-produk SDSI dapat menembusi pasaran global memandangkan ia mempunyai potensi yang sangat besar.

"Tidak dapat dinafikan SDSI mempunyai potensi yang lebih besar. Tetapi ia akan menjadi kenyataan jika SDSI dibuat secara terancang, tersusun dan berasaskan strategi pasaran."

"Ia tidak boleh dibuat secara sambil lewa... mesti berorientasikan perniagaan," katanya berucap merasmikan Pameran SDSI dan Seminar Antarabangsa Satu Kampung Satu Produk (OVOP), di sini hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dan Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam.

Najib berkata, pendekatan SDSI adalah lebih baik memandangkan ia menggabungkan kementerian, agensi-agensi kerajaan dan syarikat-syarikat kerajaan sehingga menjadikan SDSI lebih holistik.

Katanya, sehingga kini terdapat 136 daerah di negara ini yang terlibat dengan SDSI dan daripada jumlah itu 117 daerah sudah menghasilkan produk-produk mereka sendiri.

Beliau berkata, para pengusaha SDSI

UM: 6/7/2007  
perlu memikirkan dari segi bekalan dan permintaan jika benar-benar mahu melihat SDSI berada di pasaran antarabangsa.

Kata Najib, dari segi bekalan, penggunaan teknologi sangat perlu untuk meningkatkan pengeluaran produk bagi memastikan ia dapat memenuhi pasaran.

Sebagai contoh, katanya, perusahaan tenun di Pekan, Pahang yang sehingga kini masih menggunakan kaedah tradisional hanya mampu menghasilkan satu helai kain dalam tempoh dua hari.

"Kalau guna teknologi sudah pasti produktiviti meningkat. Mungkin boleh hasilkan kain dalam satu hari dengan syarat jangan sampai korbankan ciri-ciri ketulenannya," tambah beliau.


Dengan mengambil contoh yang sama, Timbalan Perdana Menteri berkata, pada masa ini usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) SDSI masih belum mencukupi, manakala latihan kepada generasi muda juga masih kurang.

Beliau berkata, setelah mampu menjana produktiviti yang baik, SDSI perlu melihat dari segi penjenamaan dan pembungkusan kerana elemen-elemen tersebut penting bagi memasarkan produk terutamanya di peringkat global.

Dari segi permintaan pula, kata Najib, SDSI perlu memikirkan pasaran yang lebih luas dan tidak hanya tertumpu di dalam negeri.

Menurutnya, enam pasar raya besar yang ada di negara ini boleh digunakan untuk membantu memasarkan produk SDSI bukan sahaja di rangkaian perniagaan mereka di dalam negeri tetapi juga di luar negara.

"Jangan hanya harap kepada pasar



**NAJIB** Tun Razak secara simbolik melancarkan Showcase Satu Daerah Satu Industri (OVOP) sambil diperhatikan oleh (dari kiri) Mohd. Ali Rustam dan Mohamed Khaled Nordin di MITC, Ayer Keroh, Melaka, semalam.

raya besar yang ada di Malaysia tetapi kena juga fikirkan untuk meletakkan produk kita di pasar raya besar yang tidak ada di Malaysia, yang ada di luar negara," katanya.

Dalam pada itu, Najib turut menggesa syarikat-syarikat milik kerajaan supaya memainkan peranan lebih aktif membantu

SDSI dan bukan sekadar menjadikan daerah sebagai anak angkat mereka.

"Syarikat seperti MAS (Malaysian Airline System Bhd.) umpamanya boleh menyajikan jem betik kepada penumpang mereka. Ini tentunya dapat mencetuskan permintaan yang besar kepada SDSI," kata beliau.